

	TEKUN NASIONAL	
	POLISI ANTIRASUAH TEKUN NASIONAL	
	Tarikh Kuat kuasa: 20/08/2024	No. Dokumen : JIPR/POLISI/01

POLISI ANTIRASUAH TEKUN NASIONAL

(NO ISU : 02/2024)

DISAHKAN UNTUK EDARAN	
Tarikh Daftar	21 AUG 2024
Tarikh Edaran	21 AUG 2024
AR SISTEM & KAEDAH TEKUN	

DISEDIAKAN OLEH
JABATAN INTEGRITI DAN PENGURUSAN RISIKO
TEKUN NASIONAL
NO.TELEFON : 03-9059 8844
E-MEL : integriti@tekun.gov.my

POLISI ANTIRASUAH TEKUN NASIONAL

1.0. PENGENALAN

1.1 TEKUN Nasional telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi memperkukuhkan integriti warga kerja dan menangani risiko rasuah dalam organisasi. Beberapa polisi dan garis panduan telah dilaksanakan seperti berikut:

- i) Polisi Pemberian Maklumat TEKUN Nasional (JIPR/POLISI/02);
- ii) Polisi Pengurusan Pengaruh Luar dan Surat Sokongan TEKUN Nasional (JIPR/POLISI/03);
- iii) Polisi Pelaksanaan *Integrity Pact* Dalam Perolehan TEKUN Nasional (JIPR/POLISI/04);
- iv) Polisi Konflik Kepentingan TEKUN Nasional (JIPR/POLISI/05);
- v) Pekeliling Kod Etika TEKUN Nasional (PTN Bil. 2 Tahun 2015);
- vi) Pekeliling Kod Etika Pembekal TEKUN Nasional (PTN Bil. 15 Tahun 2023);
- vii) Pekeliling Pelaksanaan Polisi Pemberian Dan Penerimaan Hadiah TEKUN Nasional (PTN Bil. 5 Tahun 2020);
- viii) Pekeliling Pelaksanaan Pengisytiharan Harta TEKUN Nasional (PTN Bil. 15 Tahun 2024);
- ix) Pekeliling Pelaksanaan Ikrar Bebas Rasuah (IBR) TEKUN Nasional (PTN Bil. 16 Tahun 2024);
- x) Pelan Pengurusan Risiko Rasuah TEKUN Nasional (2020 - 2023); dan
- xi) Pelan Antirasuah Organisasi TEKUN Nasional (OACP) (2021 – 2024).

1.2 Walaupun kes rasuah yang dilaporkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) melibatkan kesalahan warga TEKUN Nasional adalah kecil, namun perkara ini tidak boleh dipandang ringan. TEKUN Nasional ingin menyatakan bahawa pihak Pengurusan tidak sekali-kali bertolak-ansur dalam perkara yang melibatkan kesalahan rasuah yang mungkin berlaku di TEKUN Nasional.

1.3 Justeru, Polisi Antirasuah TEKUN Nasional dibangunkan sebagai satu usaha dalam memerangi perlakuan rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan. Polisi ini juga merupakan penambahbaikan kepada usaha-usaha sedia ada TEKUN Nasional dalam mengatasi kelemahan *governans* dan pelanggaran integriti.

DISAHKAN UNTUK EDARAN	
Tarikh Daftar	21 AUG 2024
Tarikh Edaran	21 AUG 2024
AR SISTEM & KAEDAH TEKUN	

2.0. OBJEKTIF

Polisi ini diwujudkan bertujuan untuk:

- 2.1 Menyatakan pendirian tegas TEKUN Nasional berkaitan kesalahan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan;
- 2.2 Menyatakan komitmen TEKUN Nasional dalam menangani risiko rasuah;
- 2.3 Melarang aktiviti/program yang diadakan dengan niat untuk memperolehi peluang perniagaan (*future benefits*) pada masa hadapan;
- 2.4 Mengelakkan tanggapan/persepsi negatif terhadap organisasi;
- 2.5 Memenuhi keperluan Garis Panduan Tatacara Mencukupi di bawah Seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) berkaitan Liabiliti Korporat;
- 2.6 Menjadi garis panduan dan sumber rujukan berkaitan risiko dan pencegahan rasuah; dan
- 2.7 Komponen sistem bagi mencapai matlamat *Anti Bribery Management System (ABMS)* secara berterusan.

3.0 PEMAKAIAN

- 3.1 Polisi ini terpakai kepada semua warga kerja yang dilantik oleh TEKUN Nasional termasuk Ahli Lembaga Amanah TEKUN Nasional. Polisi ini juga terpakai kepada warga kerja dan Lembaga Pengarah di semua entiti di bawah TEKUN Nasional termasuk anak syarikat, Ar-Rahnu TEKUN Nasional dan kelab atau pertubuhan di bawahnya.
- 3.2 Polisi ini hendaklah dijadikan panduan oleh pemegang taruh, rakan niaga atau mana-mana individu / organisasi yang berurusan dengan warga / fasiliti TEKUN Nasional.
- 3.3 Polisi ini akan disemak dan dilakukan penambahbaikan setiap 2 tahun sekali atau sekiranya mengikut keperluan semasa.

4.0 TAKRIFAN

4.1 RASUAH

Rasuah dalam konteks **Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)** membawa maksud memberi atau menawarkan, menerima atau meminta atau setuju untuk menerima atau meminta suapan secara langsung atau tidak langsung sebagai dorongan

DISAHKAN UNTUK EDARAN	
Tarikh Daftar	21 AUG 2024
Tarikh Edaran	21 AUG 2024
AP SISTEM & KAEDAH TEKUN	

atau upah untuk melakukan atau tidak melakukan perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi.

4.2 SUAPAN

Suapan merujuk kepada tafsiran 'suapan' di bawah Seksyen 3, Tafsiran Akta SPRM 2009. Bentuk suapan adalah seperti wang, hadiah, pinjaman, cagaran berharga, jawatan, diskaun, bonus, perkhidmatan, upah dan undi.

4.3 TEKUN NASIONAL

Bagi maksud Polisi Ini, TEKUN Nasional adalah TEKUN Nasional dan semua entiti di bawahnya termasuk anak syarikat, Ar-Rahnu TEKUN Nasional dan persatuan/pertubuhan.

4.4 WARGA TEKUN NASIONAL

Seseorang yang bekerja dengan TEKUN Nasional dan anak syarikatnya secara tetap, sementara, kontrak atau pinjaman termasuk lantikan politik. Bagi Polisi ini, takrifan warga kerja juga termasuk Ahli Lembaga Amanah TEKUN Nasional dan Ahli Lembaga Pengarah anak syarikat TEKUN Nasional.

4.5 EJEN

Ejen mengikut takrifan Akta 694 adalah "mana-mana orang yang diambil kerja oleh atau bertindak bagi orang lain, dan termasuklah pegawai badan awam atau yang berkhidmat dalam atau di bawah mana-mana badan awam, pemegang amanah, pentadbir atau wasi pusaka seseorang yang sudah mati, subkontraktor, dan mana-mana orang yang diambil kerja oleh atau yang bertindak bagi pemegang amanah, pentadbir atau wasi, atau subkontraktor itu".

5.0 PERNYATAAN POLISI ANTIRASUAH

TEKUN Nasional sebagai institusi yang menyediakan kemudahan pembiayaan secara mudah dan cepat sentiasa mengamalkan toleransi sifar terhadap rasuah dan segala aktiviti yang berunsurkan rasuah dalam operasi dan urusniaganya. Ini bermakna TEKUN Nasional tidak akan bertolak ansur dan akan bertindak tegas membanteras rasuah serta kegiatan yang berunsur rasuah.

TEKUN Nasional sentiasa komited dan berterusan dalam melaksanakan tadbir urus terbaik dan menangani risiko rasuah dengan memastikan segala urusan dilaksanakan secara telus, berintegriti dan mengikut prosedur yang ditetapkan.

Pernyataan ini terpakai kepada semua pihak yang berurusan dengan TEKUN Nasional termasuk konsultan, pembekal dan vendor.

DISAHKAN UNTUK EDARAN	
Tarikh Daftar	21 AUG 2024
Tarikh Edaran	21 AUG 2024
AP SISTEM & KAEDAH TEKUN	

TEKUN Nasional komited untuk :

- 5.1 Mematuhi peruntukan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan lain-lain akta, peraturan, polisi dan prosedur yang telah ditetapkan;
- 5.2 Mewujudkan budaya berintegriti dan ketelusan di tempat kerja serta mengadakan dan menambahbaik program integriti dan anti rasuah berterusan;
- 5.3 Menyediakan saluran dan menggalakkan pelaporan mengenai aktiviti rasuah serta salah guna kuasa menerusi Polisi Pemberian Maklumat (Whistleblowing Policy);
- 5.4 Memberi kerjasama penuh kepada agensi anti-rasuah iaitu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) serta membendung amalan rasuah di dalam TEKUN, agen yang dilantik, pihak yang dikawal selia, pembekal dan mana-mana pihak yang berurusan dengan TEKUN ; dan
- 5.5 Mengenakan tindakan undang-undang dan/atau tatatertib bagi sebarang pelanggaran ke atas dasar, polisi dan prosedur yang berkaitan.


6.0 POLISI ANTIRASUAH TEKUN NASIONAL

- 6.1 Kandungan Polisi adalah seperti berikut:
 - i) Pemakaian Polisi kepada TEKUN Nasional dan semua entiti di bawahnya termasuk TEKUN Corporation dan Ar-Rahnu TEKUN dan kelab/pertubuhan;
 - ii) Kesalahan-kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan Kanun Keseksaan;
 - iii) Polisi-polisi berteraskan pengukuhan integriti sedia ada;
 - iv) Pengenalan peraturan/arahan baru iaitu:
 - a) Menerima pembayaran pemudahan;
 - b) Larangan komisen, diskaun dan keuntungan rahsia;
 - c) Keraian dan hospitaliti;
 - d) Penerimaan sumbangan oleh kelab/persatuan;
 - e) Pungutan derma oleh pertubuhan;
 - f) Penajaan perjalanan;
 - g) Penajaan, sumbangan/derma dan sumbangan politik;
 - h) Sumbangan zakat; dan
 - i) Rujukan kepada pihak berkuasa.
 - v) Peranan dan tindakan warga kerja.

DISAHKAN UNTUK EDARAN	
Tarikh Daftar	21 AUG 2024
Tarikh Edaran	21 AUG 2024
AP SISTEM & KAEDAH TEKUN	

7.0 PERLAKUAN BERUNSUR DAN BERPOTENSI RASUAH

Perlakuan-perlakuan berunsur dan berpotensi rasuah adalah seperti berikut :



8.0 KESALAHAN-KESALAHAN RASUAH

Kesalahan-kesalahan rasuah di bawah Akta 694 adalah seperti berikut:

8.1 Kesalahan menerima suapan di bawah Seksyen 16, Akta 694

8.1.1 Mana-mana orang secara rasuah **meminta** atau **menerima** atau **bersetuju untuk menerima** bagi dirinya atau orang lain apa-apa suapan sebagai dorongan untuk atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan apa-apa perkara atau transaksi; atau

8.1.2 Mana-mana orang secara rasuah **memberikan**, **menjanjikan** atau **menawarkan** kepada mana-mana orang sama ada bagi

faedah dirinya atau orang lain apa-apa suapan sebagai dorongan untuk atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan apa-apa perkara atau transaksi.

8.2 Kesalahan memberi atau menerima suapan oleh ejen di bawah Seksyen 17, Akta 694

8.2.1 Mana-mana orang sebagai seorang ejen secara rasuah **menyetujui terima** atau **memperoleh** daripada mana-mana orang untuk dirinya atau orang lain, apa-apa suapan sebagai dorongan atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan apa-apa perbuatan, berhubungan dengan hal ehwal prinsipalnya; atau

8.2.2 Mana-mana orang sebagai seorang ejen **memberikan** atau **bersetuju untuk memberikan** atau **menawarkan** apa-apa suapan kepada mana-mana ejen sebagai dorongan atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan apa-apa perbuatan, berhubungan dengan hal ehwal prinsipalnya.

8.3 Kesalahan oleh organisasi komersial di bawah Seksyen 17A, Akta 694

Sesuatu **organisasi komersial** melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan organisasi komersial itu secara rasuah memberikan, bersetuju untuk memberikan, menjanjikan atau menawarkan kepada mana-mana orang apa-apa suapan sama ada bagi faedah orang itu, atau bagi faedah orang lain dengan niat –

- i) untuk memperolehi atau mengekalkan perniagaan bagi organisasi komersial itu, atau
- ii) untuk memperolehi atau mengekalkan faedah dalam menjalankan perniagaan bagi organisasi komersial itu.

8.4 Kesalahan membuat tuntutan palsu di bawah Seksyen 18, Akta 694

Mana-mana orang yang memberi seseorang ejen, atau sebagai seorang ejen menggunakan, dengan **niat hendak memperdayakan prinsipalnya**, apa-apa resit, akaun atau dokumen lain yang prinsipalnya mempunyai kepentingan, dan dia mempunyai sebab untuk mempercayai mengandungi apa-apa pernyataan yang **palsu atau silap** tentang apa-apa butir matan, dan yang dimaksudkan untuk mengelirukan prinsipalnya.

8.5 Kesalahan menyogok pegawai badan awam di bawah Seksyen 21, Akta 694

Mana-mana orang yang **menawarkan** kepada seseorang pegawai mana-mana badan awam, atau sebagai seorang pegawai mana-mana

DISAHKAN UNTUK EDARAN	
Tarikh Daftar	21 AUG 2024
Tarikh Edaran	21 AUG 2024
SAR. SISTEM & KAEDAH TEKUN	

badan awam, **meminta** atau **menerima**, apa-apa suapan sebagai suatu dorongan atau upah walaupun pegawai itu tidak mempunyai kuasa, hak atau peluang untuk berbuat demikian, atau menerima suapan itu tanpa niat untuk berbuat demikian, atau walaupun dorongan atau upah itu tidak ada hubungan hal ehwal badan awam itu.

8.6 Kesalahan menggunakan jawatan atau kedudukan untuk suapan dibawah Seksyen 23, Akta 694

Mana-mana pegawai badan awam yang **menggunakan jawatan atau kedudukannya** untuk apa-apa suapan, sama ada bagi dirinya sendiri, saudaranya atau sekutunya.

8.7 Hukuman di bawah Seksyen 24, Akta 694

8.7.1 Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah Seksyen 16, 17, 21 dan 23 Akta 694, apabila disabitkan boleh:

- i) dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun; dan
- ii) didenda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai suapan yang menjadi hal perkara kesalahan itu, atau sepuluh ribu ringgit, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

8.7.2 Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah Seksyen 18, Akta 694, apabila disabitkan boleh:

- i) dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun; **dan**
- ii) didenda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai butir matan yang palsu, atau silap itu, atau sepuluh ribu ringgit, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

8.8 Kewajipan melaporkan transaksi penyogokan di bawah Seksyen 25, Akta 694

8.8.1 Mana-mana orang yang **diberi, dijanjikan, atau ditawarkan** suapan hendaklah **melaporkan** pemberian, janji atau tawaran itu, berserta dengan nama, jika diketahui, orang yang memberi, menjanjikan atau menawarkan suapan itu kepadanya kepada pegawai SPRM.

8.8.2 Mana-mana orang yang tidak mematuhi subseksyen tersebut apabila disabitkan boleh:

- i) didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit; atau
- ii) dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

8.8.3 Mana-mana orang yang daripadanya suapan telah **diminta** atau **diperoleh** atau **suatu cubaan dibuat** untuk memperoleh suapan

itu, hendaklah **melaporkan** permintaan atau perolehan, atau cubaan untuk memperoleh suapan itu berserta dengan perihalan yang lengkap dan benar dan, jika diketahui, nama orang yang meminta, atau memperoleh, atau cuba memperoleh, suapan daripadanya kepada pegawai SPRM.

8.8.4 Mana-mana orang yang tidak mematuhi subseksyen tersebut apabila disabitkan boleh:

- i) didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit; atau
- ii) dipenjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

8.9 Kesalahan menerima barangan berharga dengan tiada balasan di bawah Seksyen 165, Kanun Keseksaan (Akta 574)

Mana-mana pegawai awam yang **menerima** atau **memperoleh**, atau **setuju untuk menerima** atau **cuba untuk memperoleh** untuk dirinya atau untuk mana-mana orang lain apa-apa barangan berharga dengan tiada balasan atau dengan balasan yang pegawai mengetahui tidak mencukupi daripada mana-mana orang yang pegawai mengetahui telah; atau sedang; atau mungkin berkaitan dengan apa-apa urusan rasmi yang telah dijalankan; atau yang akan dijalankan oleh pegawai itu; atau berkaitan dengan tugas rasmi pegawai atau dengan tugas rasmi mana-mana pegawai di bawah seliaan pegawai itu hendaklah dihukum dengan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

8.10 Kesalahan memalsukan dokumen di bawah Seksyen 465, Kanun Keseksaan (Akta 574)

Mana-mana orang yang melakukan **pemalsuan** hendaklah dihukum dengan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

9.0 UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN LAIN YANG BERKUAT KUASA

9.1 Undang-undang dan peraturan lain berkaitan perlakuan rasuah adalah seperti berikut:

- i) Seksyen 3, Akta 694 :
 - a) mana-mana kesalahan di bawah Akta 574 yang dinyatakan dalam Jadual – Perenggan 3 (a), tafsiran “kesalahan ditetapkan” di bawah Akta 694;
 - b) kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 137 Akta Kastam 1967 (Akta 235);
 - c) kesalahan di bawah Bahagian III Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Akta 5);

DISAHKAN UNTUK EDARAN	
Tarikh Daftar	21 AUG 2024
Tarikh Edaran	21 AUG 2024
AP SISTEM & KAEDAH TEKUN	

- d) sesuatu percubaan untuk melakukan mana-mana kesalahan yang disebut dalam perenggan (a) hingga (c); atau
- e) sesuatu persubahatan atau komplot jenayah untuk melakukan (sebagaimana istilah yang ditakrifkan dalam Kanun Keseksaan) mana-mana kesalahan yang disebut dalam perenggan (a) hingga (c), sama ada atau tidak kesalahan itu dilakukan berbangkit daripadanya.

9.2 Manual Pentadbiran Dan Sumber Manusia TEKUN Nasional.

9.3 Polisi Pemberian Maklumat (*Whistleblowing Policy*) TEKUN Nasional (JIPR/POLISI/02)

Polisi ini menyatakan bahawa warga kerja dan orang awam adalah bertanggungjawab untuk melaporkan **Kelakuan Tidak Wajar** yang dilakukan oleh warga TEKUN Nasional kepada pihak Pengurusan TEKUN Nasional atau Ketua Pegawai Integriti TEKUN Nasional. Polisi ini telah ditambah baik dan dikuatkuasakan pada 1 Ogos 2024.

9.4 Polisi Pengurusan Pengaruh Luar dan Surat Sokongan TEKUN Nasional (JIPR/POLISI/03)

Polisi ini menyatakan perakuan sokongan yang diterima tidak boleh sama sekali digunakan sebagai asas, merit atau kelayakan dalam mempertimbangkan sesuatu keputusan. Sebaliknya pegawai TEKUN Nasional hendaklah sentiasa bertindak berdasarkan peruntukan undang-undang, prosedur dan peraturan TEKUN Nasional yang sedang berkuat kuasa. Polisi ini telah ditambah baik dan berkuat kuasa pada 2 Disember 2022.

9.5 Polisi Pelaksanaan *Integrity Pact* Dalam Perolehan TEKUN Nasional (JIPR/POLISI/04)

Tujuan utama Polisi Pelaksanaan *Integrity Pact* Dalam Perolehan TEKUN Nasional adalah untuk mengelakkan petender atau pembida menawarkan atau memberi rasuah kepada warga TEKUN Nasional. Semua pihak yang terlibat dalam perolehan TEKUN Nasional seperti pegawai di Jabatan Perolehan, Ahli Jawatankuasa Perolehan dan petender atau pembida perlu menandatangani Surat Akuan tidak terlibat dengan perlakuan rasuah.

Pelaksanaan *Integrity Pact* ini telah dilaksanakan melalui Pekeliling TEKUN Nasional Bilangan 7 Tahun 2018 dan sentiasa ditambah baik dari semasa ke semasa mengikut keperluan TEKUN Nasional. Penambahbaikan kedua melalui Pekeliling TEKUN Nasional Bilangan 2 Tahun 2021 dan seterusnya melalui Polisi (JIPR/POLISI/04) yang berkuat kuasa pada 28 Jun 2023.

DISAHKAN UNTUK EDARAN	
Tarikh Daftar	21 AUG 2024
Tarikh Edaran	21 AUG 2024
'AR. SISTEM & KAEDAH TEKUN	

9.6 Polisi Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*) TEKUN Nasional (JIPR/POLISI/05)

Polisi ini menyatakan warga kerja dan Ahli Lembaga Amanah perlu membuat pengisytiharan dan menarik diri daripada terlibat dalam sesuatu urusan jika mempunyai kepentingan dalam urusan berkaitan dengan tugas rasminya. Ini adalah bagi mengelakkan daripada melakukan kesalahan di bawah Seksyen 23, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

Polisi Konflik Kepentingan Bil 1 Tahun 2015 telah dikeluarkan kepada warga kerja TEKUN Nasional. Walau bagaimanapun, berdasarkan keperluan, polisi ini telah ditambah baik melalui Polisi Konflik Kepentingan yang berkuat kuasa pada 6 Disember 2023.

9.7 Pekeliling Kod Etika TEKUN Nasional (PTN Bil. 2 Tahun 2015)

Pekeliling Kod Etika TEKUN Nasional dilaksanakan adalah bertujuan antaranya untuk menyatakan dasar TEKUN Nasional berkenaan perbuatan atau perlakuan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa oleh warga TEKUN Nasional dan nilai-nilai murni dan panduan tata kelakuan yang perlu diamalkan bagi memelihara integriti warga dan organisasi. Pekeliling ini berkuat kuasa pada 1 Jun 2016.

9.8 Pekeliling Kod Etika Pembekal TEKUN Nasional (PTN Bil. 15 Tahun 2023)

Pekeliling Kod Etika TEKUN Nasional dilaksanakan adalah bertujuan untuk menggariskan prinsip-prinsip dan tingkah laku yang dijangkakan daripada setiap pembekal atau wakil pembekal untuk membekalkan barangan dan perkhidmatan kepada TEKUN Nasional.

Kod Etika ini dikongsi bersama dengan semua individu yang ditugaskan untuk melaksanakan kerja atau bagi pihak TEKUN Nasional. Kod ini boleh diakses dan dimuat turun dalam Portal TEKUN Nasional oleh pembekal dan orang ramai. Pekeliling ini berkuat kuasa 19 September 2023.

9.9 Pekeliling Pelaksanaan Polisi Pemberian Dan Penerimaan Hadiah TEKUN Nasional (PTN Bil. 5. Tahun 2020)

TEKUN Nasional melarang warga kerja termasuk pasangannya (suami/isteri) atau wakil menerima dan memberi hadiah termasuk hiburan berkaitan tugas rasmi dan maksud hadiah itu tidak sepadan dengan maksud hadiah itu diberi. Sekiranya penerimaan hadiah tidak dapat dielakkan, maka penerimaan tersebut perlu dilaporkan kepada

DISAHKAN UNTUK EDARAN	
Tarikh Daftar	21 AUG 2024
Tarikh Edaran	21 AUG 2024
'AR. SISTEM' & KAEDAH TEKUN	

Ketua Jabatan untuk tindakan seterusnya. Pekeliling ini telah berkuat kuasa pada 20 Februari 2020.

9.10 Pekeliling Pelaksanaan Pengisytiharan Harta TEKUN Nasional (PTN Bil. 15 Tahun 2024)

Pekeliling Pengisytiharaan Harta telah dilaksanakan melalui Pekeliling TEKUN Nasional Bilangan 17 Tahun 2015. Pekeliling ini telah ditambahbaik melalui Pekeliling TEKUN Nasional Bilangan 15 Tahun 2024. Pekeliling ini menyatakan warga kerja TEKUN Nasional perlu membuat pengisytiharan harta apabila memasuki perkhidmatan atau apabila diminta oleh TEKUN Nasional. Pengisytiharan harta perlu dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 3 tahun. Pekeliling ini berkuat kuasa pada 22 Julai 2024.

9.11 Pekeliling Pelaksanaan Ikrar Bebas Rasuah (IBR) TEKUN Nasional (PTN Bil. 16 Tahun 2024)

IBR merupakan satu inisiatif yang telah diperkenalkan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada tahun 2017. Warga kerja TEKUN Nasional diwajibkan untuk menandatangani IBR sekurang-kurangnya sekali sepanjang tempoh perkhidmatan bersama TEKUN Nasional. Pelaksanaan IBR adalah sebagai amaran dan peringatan kepada warga kerja agar menjauhi dan mencegah rasuah. Ia juga sebagai bukti komitmen organisasi telah mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mencegah jenayah rasuah. Pekeliling ini berkuat kuasa pada 1 Ogos 2024.

9.12 Pelan Pengurusan Risiko Rasuah TEKUN Nasional (2020 – 2023)

Pelan Pengurusan Risiko Rasuah TEKUN Nasional telah diterbitkan pada tahun 2020. Pelan ini adalah sebagai bukti bahawa TEKUN Nasional komited dalam memastikan tadbir urus TEKUN Nasional bebas daripada isu-isu integriti, rasuah, pecah amanah dan salah guna kuasa. Melalui pelan ini, TEKUN Nasional dapat mengenal pasti bidang-bidang yang berisiko tinggi serta dapat mengesan seawal mungkin terhadap masalah, ancaman serta dan dapat merangka langkah kawalan atau tindakan yang dapat mengurangkan atau perlu menerima risiko rasuah tersebut.

Pelan Pengurusan Risiko Rasuah ini telah mencapai tempoh yang ditetapkan dan akan dinilai kembali dan penentuan tempoh baru akan ditetapkan. Melalui pelan tindakan yang telah dinilai dan dirangka, setiap Ketua Bahagian/ Jabatan bertanggungjawab untuk memastikan langkah kawalan dilaksanakan di Bahagian/Jabatan. JIPR bertanggungjawab untuk menyelaras pemantauan yang dilaksanakan oleh Ketua Bahagian dan Jabatan.



9.13 Pelan Antirasuah Organisasi TEKUN Nasional (OACP) (2021 – 2024)

Pelan ini dibangunkan bertujuan untuk menangani permasalahan dan kelemahan governans, integriti dan antirasuah dalam organisasi. TEKUN Nasional komited memerangi rasuah pada setiap peringkat di dalam organisasi selaras dengan dasar yang diperkenalkan oleh Kerajaan.

9.14 Menerima Pembayaran Pemudahan

Warga TEKUN Nasional dilarang, secara langsung atau tidak langsung, menerima atau memperoleh atau cuba untuk menerima atau mendapatkan bayaran kemudahan daripada mana-mana orang untuk diri mereka sendiri atau bagi mana-mana orang lain. Istilah "pembayaran kemudahan" secara amnya bermaksud bayaran yang dibuat untuk menjamin atau mempercepatkan prestasi oleh seseorang yang menjalankan tugas rutin atau pentabiran atau fungsi.

9.15 Larangan Komisen, Diskaun dan Keuntungan Rahsia

Warga TEKUN Nasional tidak boleh, secara langsung atau tidak langsung, menerima atau mendapatkan apa-apa barangan atau perkhidmatan yang dibeli atau perniagaan lain yang diurusniagakan (sama ada atau tidak oleh mereka) oleh atau bagi pihak TEKUN Nasional, sebarang diskaun, rebat, komisen, perkhidmatan, kepentingan, pertimbangan nilai atau faedah lain atau bayaran apa-apa jenis (sama ada secara tunai atau jenis) yang tidak dibenarkan oleh polisi atau prosedur TEKUN Nasional.

9.16 Keraian dan Hospitaliti

- i) Contoh keraian dan hospitaliti adalah seperti kehadiran dalam majlis sosial, atau acara-acara lain, makan tengah hari, minum petang atau makan malam, sama ada melibatkan urusan perniagaan atau tidak dan sama ada diterima atau ditawarkan.
- ii) Warga TEKUN Nasional tidak dibenarkan menerima keraian dan hospitaliti atas kapasiti **peribadi** dari pihak luar yang berkepentingan atau berkaitan dengan tugas rasmi.
- iii) Warga TEKUN Nasional tidak boleh memberi keraian dan hospitaliti atas kapasiti **peribadi** kepada pihak luar yang berkepentingan atau berkaitan dengan tugas rasmi.
- iv) Walau bagaimanapun keraian dan hospitaliti kepada dan daripada mana-mana pihak yang dibuat atas **urusan rasmi** adalah dibenarkan.

- v) Walaupun warga TEKUN Nasional dibenarkan untuk memberi atau menerima keraian dan hospitaliti, mereka hendaklah memberi perhatian yang serius kepada perkara- perkara berikut:
 - a) keraian tidak mempunyai unsur rasuah dan bebas dari konflik kepentingan;
 - b) dengan memberi atau menerima keraian, ianya tidak sama sekali mempengaruhi tugas rasminya dan menjejaskan kuasa dan tanggungjawab pegawai dalam urusan berkaitan kepentingan pihak yang memberi keraian itu;
 - c) pemberian dan penerimaan keraian itu tidak bercanggah dengan tata kelakuan pegawai TEKUN Nasional dan tidak menyalahi peraturan yang dikeluarkan TEKUN Nasional;
 - d) sensitiviti Bahagian/Unit di mana pegawai bertugas;
 - e) sensitiviti masyarakat terhadap tanggungjawab pegawai dan perkhidmatan TEKUN Nasional keseluruhannya; atau/dan
 - f) kekerapan pegawai menerima keraian.

9.17 Penerimaan Sumbangan Oleh Persatuan, Kelab, Badan Dan Pertubuhan Di Bawah TEKUN Nasional

- i) Contoh persatuan, kelab, badan dan pertubuhan di bawah TEKUN Nasional adalah seperti Kelab Sukan dan Rekreasi (KESURA) TEKUN Nasional dan Surau An-Nur Ibu Pejabat TEKUN Nasional.
- ii) Persatuan, kelab, badan atau apa-apa pertubuhan di bawah TEKUN Nasional boleh menerima sumbangan daripada pihak luar jika tidak menyalahi undang-undang dan peraturan persatuan, kelab, badan atau pertubuhan tersebut.
- iii) Walau bagaimanapun, kelulusan Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif TEKUN Nasional perlu diperolehi terlebih dahulu sebelum menerima sumbangan.
- iv) Walaupun dibenarkan untuk menerima sumbangan, perhatian yang serius perlu diberikan kepada perkara- perkara berikut:
 - a) sumbangan tidak mempunyai unsur paksaan, rasuah dan bebas dari konflik kepentingan;
 - b) tidak menimbulkan syak, keraguan dan beban kepada mana-mana pihak agar ianya tidak mencemarkan nama baik TEKUN Nasional;
 - c) dengan menerima sumbangan, ianya tidak sama sekali mempengaruhi tugas rasminya dan menjejaskan kuasa dan tanggungjawab pegawai dalam urusan berkaitan kepentingan pihak yang memberi sumbangan itu;

DISAHKAN UNTUK EDARAN	
Tarikh Daftar	21 AUG 2024
Tarikh Edaran	21 AUG 2024
'AR. SISTEM' KAEDAH TEKUN	

- d) penerimaan sumbangan itu tidak bercanggah dengan tata kelakuan pegawai TEKUN Nasional dan tidak menyalahi peraturan yang dikeluarkan TEKUN Nasional;
- e) kekerapan dan nilai sumbangan yang diterima;
- f) Kekerapan dan nilai sumbangan pihak yang memberi sumbangan tersebut; dan
- g) Persatuan mempunyai penyata kewangan yang boleh diaudit.

9.18 Pungutan Derma Oleh Kesatuan/Pertubuhan

- i) Kutipan derma oleh kesatuan/pertubuhan yang berdaftar yang melibatkan atau dikendalikan oleh warga TEKUN Nasional atau TEKUN Nasional adalah tertakluk kepada Akta Pungutan Rumah ke Rumah dan Jalan 1947 (Akta 200), Surat Pekeliling Am Bilangan 6 tahun 1987 dan/atau mana-mana akta/undang-undang/peraturan yang dikeluarkan oleh pihak-pihak yang berkenaan.
- ii) Jika sekiranya terdapat kesatuan/pertubuhan yang tidak berdaftar yang melibatkan atau dikendalikan oleh warga TEKUN Nasional atau TEKUN Nasional ia dilarang daripada mengutip derma.

9.19 Penajaan Perjalanan

- i) Warga TEKUN Nasional boleh menerima tempat penginapan dan perbelanjaan lain seperti makanan dan pengangkutan yang disediakan oleh pihak luar jika perjalanan itu adalah berkaitan urusan rasmi TEKUN Nasional.
- ii) Walau bagaimanapun, sekiranya pihak luar tersebut mempunyai kepentingan dalam urusan rasmi seperti pembida atau pembekal kepada TEKUN Nasional, maka kelulusan awal perlu diperolehi daripada Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif TEKUN Nasional.
- iii) TEKUN Nasional juga boleh menanggung kos perjalanan pihak luar seperti penginapan dan pengangkutan jika perjalanan itu berkaitan urusan rasmi dan mempunyai kewajaran untuk TEKUN Nasional menanggung kos tersebut. Walau bagaimanapun, kelulusan awal perlu diperolehi daripada Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif TEKUN Nasional.

9.20 Penajaan, Sumbangan/Derma Dan Sumbangan Politik

- i) TEKUN Nasional boleh memberi penajaan atau sumbangan/derma kepada warga TEKUN Nasional dan pihak luar dengan kelulusan

DISAHKAN UNTUK EDARAN	
Tarikh Daftar	21 AUG 2024
Tarikh Edaran	21 AUG 2024
SISTEM & KAEDAH TEKUN	

Jawatankuasa Sumbangan (Korporat) TEKUN Nasional atau jawatankuasa yang berkaitan.

- ii) Semua permohonan tajaan dan sumbangan/derma mestilah mematuhi Terma Rujukan (TOR) Jawatankuasa Sumbangan (Korporat) TEKUN Nasional atau jawatankuasa yang berkaitan.
- iii) TEKUN Nasional tidak boleh memberi sumbangan kepada parti politik, pegawai parti politik dan program/aktiviti berunsur politik.

9.21 Sumbangan Zakat

- i) TEKUN Nasional boleh memberi sumbangan zakat kepada warga TEKUN Nasional dan pihak luar dengan kelulusan Jawatankuasa Agihan Zakat TEKUN Nasional atau jawatankuasa yang berkaitan.
- ii) Semua permohonan tajaan dan sumbangan/derma mestilah mematuhi Terma Rujukan (TOR) Jawatankuasa Agihan Zakat TEKUN Nasional atau jawatankuasa yang berkaitan.

9.22 Ketekunan Wajar (*Due Diligence*)

Due diligence adalah satu proses untuk menilai dan menentukan risiko samada sesuatu peraturan, aktiviti, urusanniaga boleh dilaksanakan atau tidak. Setiap Bahagian/Jabatan bertanggungjawab untuk melaksanakan *due diligence* terutama bagi aktiviti / proses yang melibatkan perolehan atau tender, kontrak perkhidmatan atau pembekalan, kelulusan permohonan baharu, pembaharuan permit, pengambilan / pelantikan / penempatan / kenaikan pangkat / penganugerahan warga kerja TEKUN Nasional.

9.23 Rujukan Kepada Pihak Berkuasa

TEKUN Nasional boleh merujuk dan membuat laporan kepada pihak berkuasa seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) sekiranya mendapati atau mengesyaki wujud unsur jenayah dalam perlakuan warga TEKUN Nasional atau pihak yang berurusan dengan TEKUN Nasional.

10.0 UMUM

Tiada apa-apa dalam Polisi ini atau apa-apa pindaan yang dibuat di bawahnya boleh menghalang apa-apa tindakan diambil di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, (Akta 694), Kanun Keseksaan, Akta Kastam 1967 dan mana-mana undang-undang lain yang berkaitan terhadap mana-mana warga TEKUN Nasional.

DISAHKAN UNTUK EDARAN	
Tarikh Daftar	21 AUG 2024
Tarikh Edaran	21 AUG 2024
AP SISTEM & KAEDAH TEKUN	

11.0 PERANAN DAN TINDAKAN WARGA TEKUN NASIONAL

11.1 Dalam usaha menutup ruang dan peluang rasuah, warga TEKUN Nasional hendaklah mengambil tindakan seperti berikut:

JANGAN MINTA

Warga TEKUN Nasional dilarang meminta atau menerima apa-apa bentuk suapan.

TOLAK

Warga TEKUN Nasional hendaklah menolak apa-apa tawaran atau pemberian rasuah.

LAPOR

Warga TEKUN Nasional hendaklah dengan segera melaporkan apa-apa perlakuan rasuah kepada Ketua Jabatan; atau Jabatan Integriti dan Pengurusan Risiko TEKUN Nasional atau SPRM.

11.2 Warga TEKUN Nasional boleh melaporkan apa-apa perlakuan rasuah dengan mengemukakan sekurang-kurangnya maklumat asas (5W+1H) seperti berikut:

- i. Siapakah (*who*) yang terlibat?
- ii. Bilakah (*when*) kejadian berlaku?
- iii. Di manakah (*where*) kejadian berlaku?
- iv. Apakah (*what*) kesalahan yang berlaku?
- v. Kenapakah (*why*) kesalahan berlaku?
- vi. Bagaimanakah (*how*) kesalahan berlaku?
- vii. Saksi atau dokumen berkaitan (sekiranya ada).

12.0 PERLINDUNGAN KEPADA PEMBERI MAKLUMAT DAN MAKLUMAT

12.1. Apa-apa aduan yang dibuat berbangkit daripada maklumat yang diterima oleh seseorang pegawai SPRM, **maklumat** dalam aduan itu dan **identiti pemberi maklumat** hendaklah menjadi **rahsia** antara pegawai SPRM dengan pemberi maklumat, dan **tidak boleh didedahkan** atau diperintahkan, atau dikehendaki supaya didedahkan dalam mana-mana prosiding sivil, jenayah atau yang lain dalam mana-mana mahkamah, tribunal atau pihak berkuasa lain di bawah Seksyen 65, Akta 694.

DISAHKAN UNTUK EDARAN	
Tarikh Daftar	21 AUG 2024
Tarikh Edaran	21 AUG 2024
'AR. SISTEM' & KAEDAH TEKUN	

12.2. Polisi Pemberian Maklumat (*Whistleblowing Policy*) TEKUN Nasional menyatakan maklumat aduan dan identiti pemberi maklumat **tidak akan didedahkan**.

13.0 PENGIKTIRAFAN KEPADA WARGA TEKUN NASIONAL

Pengurusan TEKUN Nasional, atas budi bicaranya boleh memberikan pengiktirafan dalam bentuk sijil penghargaan, pencalonan anugerah atau pingat dan apa-apa ganjaran kepada warga TEKUN Nasional yang melaporkan kesalahan rasuah kepada TEKUN Nasional dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

14.0 PERTANYAAN DAN PELAPORAN

Sebarang pertanyaan atau pelaporan pelanggaran terhadap Polisi ini boleh dikemukakan melalui saluran berikut:

TEKUN Nasional
Menara TEKUN, T5-01-01, Lingkaran Maju (Maju Link)
Jalan Lingkaran Tengah 2
57000 Bandar Tasik Selatan
Kuala Lumpur
(u.p: Ketua Jabatan Integriti dan Pengurusan Risiko)
Emel: integriti@tekun.gov.my / mailbox@tekun.gov.my
Telefon : 03 9059 8844 / 03 9059 8888

15.0 PEMATUHAN

- i) Kegagalan dan keengganan warga TEKUN Nasional mematuhi Polisi ini boleh disifatkan sebagai ingkar perintah dan dikenakan tindakan tatatertib mengikut Manual Pentadbiran Dan Sumber Manusia TEKUN Nasional.
- ii) Pegawai juga boleh diambil tindakan di bawah prosiding jenayah yang berkaitan.
- iii) Pelanggaran Polisi ini oleh pihak ketiga akan dimaklumkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau mana-mana organisasi berkaitan untuk tindakan selanjutnya.


DISAHKAN UNTUK EDARAN	
Tarikh Daftar	21 AUG 2024
Tarikh Edaran	21 AUG 2024
AP. SISTEM & KAEDAH TEKUN	

16.0 TARIKH KUAT KUASA

Pelaksanaan Polisi Antirasuah ini berkuat kuasa mulai tarikh polisi ini diperakukan.

17.0 PENUTUP

Pematuhan terhadap Polisi Antirasuah ini dapat mencapai sasaran "zero tolerance towards corruption" seterusnya menjadi pemangkin kepada kecekapan dan ketelusan pengurusan berteraskan prinsip governans, integriti dan antirasuah. Secara tidak langsung, pematuhan kepada Polisi ini akan menjadikan TEKUN Nasional antara agensi peneraju yang melaksanakan inisiatif antirasuah dalam organisasi mikro Kredit.

Disediakan oleh	Disemak oleh	Diluluskan oleh
 Nama: Jalilah Binti Che Bidin Jawatan: Timbalan Ketua Jabatan Integriti dan Pengurusan Risiko Tarikh: 19/8/2024	 Nama: Mohamad Razman Bin Razak Jawatan: Ketua Jabatan Integriti dan Pengurusan Risiko Tarikh: 20/08/2024	 Nama: Roshaimi Bin Harun Jawatan: Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Pengurusan dan Korporat Tarikh: 20/8/2024